

**NO. SOALAN : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 19 NOV 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah insentif sektor pelancongan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan muda di kawasan pesisir pantai. Nyatakan kawasan pantai yang paling berjaya dimajukan oleh usahawan-usahawan muda dalam industri pelancongan.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat banyak tempat-tempat pelancongan di Malaysia yang membuka ruang yang luas kepada usahawan muda untuk menceburi bidang perniagaan di pesisir pantai. Sebagai contohnya terdapat Pantai Port Dickson di Negeri Sembilan, Pantai Teluk Cempedak di Pahang, Pantai Chenang di Langkawi, Kedah, Pantai Teluk Batik di Lumut, Perak dan Pantai Cahaya Bulan di Kelantan. Terdapat juga pulau-pulau yang menjadi tarikan pelancong seperti Pulau Tioman di Pahang, Pulau Perhentian di Terengganu, Pulau Mabul di Sabah dan banyak lagi. Penglibatan usahawan-usahawan muda di pesisir pantai dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti perniagaan yang mereka ceburi seperti menyediakan sewaan *jet ski*, peralatan menyelam, memancing, *paragliding*, *snorkling* termasuk juga perniagaan menjual makanan, pakaian, cenderahati serta kraftangan.

Terdapat pelbagai bantuan dan insentif yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk membantu usahawa-usahawan ini. Kraftangan Malaysia umpamanya menyediakan insentif khas kepada usahawan-usahawan muda untuk mengembangkan perniagaan mereka. Salah satu kawasan pesisir pantai yang berjaya dimajukan adalah sekitar Pantai Cahaya Bulan di Kelantan yang menempatkan seramai 15 orang usahawan muda dalam bidang tekstil (batik). Selain itu, daerah Marang di Terengganu juga menjadi salah satu lokasi pesisir pantai yang menempatkan seramai 27 orang usahawan kraf hasil rimba (anyaman). Antara insentif yang disediakan adalah seperti berikut:-

1. Insentif Pengeluaran – bertujuan untuk memberi bantuan kepada usahawan dalam bentuk mesin dan peralatan, prasarana pengeluaran serta bahan mentah bagi membantu usahawan kraf meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran.
2. Insentif Perniagaan – bertujuan untuk membantu usahawan kraf yang menyertai aktiviti promosi di peringkat domestik dari aspek pengangkutan produk (logistik) dan bantuan bahan kempen/pembungkusan.
3. Bekalan Bahan Mentah – merupakan aktiviti penyaluran bahan mentah seperti tembaga dan rotan kepada usahawan kraf untuk pengeluaran produk kraf.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kementerian turut menawarkan insentif dalam bentuk pinjaman (*soft loan*) kepada pengusaha pelancongan. Kemudahan pembiayaan pinjaman tersebut ialah melalui Tabung Khas Pelancongan (TKP) dan Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) yang terbuka kepada warganegara Malaysia yang layak dengan syarat-syarat tertentu.

Tujuan dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkelayakan yang ingin membangunkan atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, resort dan chalet serta untuk membiayai pembelian alat-alat seperti bot, enjin, kenderaan

pengangkutan pelancong serta lain-lain peralatan yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

Sekian, terima kasih.